

NO. SOALAN: 3

Tujuan utama program ini adalah untuk memberi peluang kepada rakyat di kawasan yang tiada liputan jalur lebar untuk menikmati kemudahan jalur lebar seperti di kawasan bandar serta memberi akses permulaan kepada penduduk setempat. Sehingga April 2015, sebanyak 5,716 WK telah dilaksanakan di seluruh negara. Di Perlis, sebanyak 83 WK telah dilaksanakan. Daripada jumlah ini, jumlah keseluruhan WK yang terletak dalam Parlimen Kangar ialah sebanyak 19.

539 WK dalam pelaksanaan dan dijangka akan disiapkan secara berperingkat di mana 10 WK yang sedang dibina di Perlis, kesemuanya terletak dalam Parlimen Kangar.

SOALAN (4)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula keluasan rumah PPR 750 kaki persegi kepada satu keluasan rumah yang lebih besar iaitu 1000 kaki persegi, contohnya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan keluasan lantai minima bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah 700 kaki persegi dan keluasan ini adalah melebihi daripada standard keluasan rumah kos rendah yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) iaitu 650 kaki persegi.

Buat masa ini, Kementerian tidak merancang untuk mengkaji semula keluasan rumah PPR melebihi 700 kaki persegi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015